

21/10/2001

Majikan mampu bayar bonus

Rahman Hashim

MELAKA: Majikan sektor swasta sepatutnya tidak mempunyai masalah membayar bonus dua bulan kepada pekerja selepas kerajaan bersetuju mengecualikannya daripada pendapatan bercukai syarikat.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn, berkata Belanjawan 2002 yang dibentangkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin jelas bertujuan menggalakkan sektor swasta memberikan bonus kepada kakitangan mereka.

"Saya yakin apabila bayaran bonus ini dikecualikan daripada cukai pendapatan syarikat, tentu ia akan menjadi penggalak kepada majikan menawarkan bonus kepada pekerja masing-masing.

"Secara tidak langsung, langkah ini juga dapat membantu meningkatkan pendapatan pekerja," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan anugerah negara bagi keselamatan dan kesihatan pekerjaan 2001 kepada 13 syarikat di hotel Mahkota Century di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalannya, Dr Abdul Latiff Ahmad dan Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Abu Bakar Che Man.

Antara syarikat yang memenangi anugerah itu ialah Intel Malaysia (Intel Technology Sdn Bhd) Pulau Pinang bagi kategori pengilangan industri besar; Sarawak Shell Berhad, Bintulu Integrated Facility, Bintulu bagi kategori pengilangan industri besar (petroleum/gas dan kimia).

Golden Hope Fruit Industries Sdn Bhd, Kulai, Johor bagi kategori pengilangan industri kecil dan sederhana (IKS) serta Raub Australian Gold Mining Sdn Bhd, Raub, Pahang bagi kategori perlombongan dan kuari.

Fong berkata, kerajaan juga berharap majikan memberi tumpuan kepada meningkatkan lagi kemahiran pekerja dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

"Melalui program latihan yang disediakan, pekerja boleh dilatih dengan pelbagai kemahiran amali dan ICT, sekali gus boleh memberi keuntungan kepada syarikat dalam jangka masa panjang," katanya.

Sementara itu, dalam ucapannya, Fong berharap firma besar dapat membantu pengusaha IKS dalam penjagaan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

Beliau menjelaskan, firma besar boleh melaksanakan pelbagai program, seperti program vendor, mentor dan program kejiwaan dengan pengusaha IKS bagi membantu membentuk sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan yang baik.

(END)